

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]
TARIKH : 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status semasa projek solar LSS3 dan berapakah syarikat kontraktor yang mendapat tawaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelaksanaan program Large Scale Solar Pusingan Ketiga (LSS 3) telah bermula pada bulan Februari 2019, melalui penjualan dokumen bidaan yang berlangsung dari 14 hingga 27 Februari 2019. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai proses pembidaan terbuka bagi Program LSS 3 diberikan tempoh sehingga 19 Ogos 2019 untuk melengkapkan dan mengemukakan dokumen bidaan kepada Suruhanjaya Tenaga.
2. Suruhanjaya Tenaga seterusnya akan menjalankan proses penilaian ke atas dokumen-dokumen bidaan tersebut bagi menilai kebolehlaksanaan projek serta mendapatkan tawaran tarif yang paling kompetitif. Pembidaan yang berjaya dijangka diumumkan pada suku pertama tahun 2020.

Sekian, terima kasih.